


Rasional sastera kepada generasi muda

Sastera seharusnya menjadi peluang untuk membuka laluan yang lebih diskusi, lebih tulus, telus...



PENGGUNAAN karya sastera dalam pendidikan sudah lama dilihat perlu dan penting. Penggunaannya menjadi apresiasi yang sihat dalam kelompok pelajar yang masih muda. Sastera mampu menajamkan penghayatan kepada kehidupan, menjadi sumber perbincangan yang sihat dan alat hiburan disamping mendekatkan mereka kepada realiti sosial yang tidak atau belum dijejaki.

Sastera menawarkan keperluan ini, karya yang baik dapat meresap masuk dan membentuk psikologi yang positif. Generasi bangsa sudah tentu diisi fikiran mereka dengan muatan-muatan sebegini.

Karya sastera pergi ke dalam saluran pendidikan melalui cara dan kaedahnya yang tersendiri. Ia tentu sekali tidak menyenaraikan formula dan rumusan yang kaku dan beku.

Pensyarah Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Lim Swee Tin berkata, kita sebenarnya tidak mempunyai keberanian untuk membolehkan pelajar di sekolah secara terbuka dan bebas berbahas tentang nilai dan kepentingan kepentingan hidup dalam sebuah negara secara lebih berterus terang.

“Sastera seharusnya menjadi peluang untuk membuka laluan yang lebih diskusi, lebih tulus, telus dan melaluinya generasi dapat menghakis

serta mengikis pelbagai salah faham, kecurigaan dan cauvinisme,” tegas Dr Lim lagi.

Sastera menggerakkan emosi melalui interpretasi dan taakulan yang mampu membijaksakan. Karya sastera menjadi wahana pembentukan sahsiah diri juga. Budi pekerti boleh terbentuk dengan baik sekiranya bahan kesusasteraan dilaksanakan dengan sempurna di bilik-bilik darjah. Kekuatan karya sastera jauh meresap ke dalam minda. Ketika inilah idealisme dan ideologi boleh diserap.

Namun kadang-kadang, penggunaan bahan sastera dalam kurikulum pendidikan dikaburi oleh keperluan peperiksaan semata-mata. Ia membatasi diskusi dan kunyahan yang lebih pekat yang menyeluruh. Peperiksaan mendorong ke arah hafalan yang longgar, tanpa dialog yang padu dengan karya dan menipiskan penghayatannya. Aspek penghayatan yang lebih sempurna, misalnya melalui perbincangan dan cetusan-cetusan pandangan yang lebih terbuka.

Menurut Dr. Lim, dalam keadaan sekarang secara tidak langsung banyak perkara meninggalkan pelajar dalam kesamaran dan dikaburi oleh pelbagai pantang larang, yang kebanyakannya diselubungi kebimbangan atau ketakutan.

“Memasukkan Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Komsas) pada peringkat sekolah menengah sejak tahun 2000, adalah satu langkah ke hadapan yang nampak meyakinkan untuk menjadikan karya sastera sebagai wahana penyatuan bangsa dengan anak-anak muda berkongsi pengalaman hidup di bumi yang pelbagai etnik, kaum dan bangsanya.

“Sayangnya, amalan mengakuri segala yang bernama peperiksaan, memperkenalkan Komsas dilihat tidak lebih sebagai satu sisipan untuk mempelbagaikan bahan pengajaran sahaja yang pada masa ini dilihat menuju kegagalan,” jelasnya.

Soalnya lagi, apakah perkiraan lain yang kita ada kalau kita mempercayai bahawa kesusasteraan mempunyai peranan dan sumbangan yang besar ke arah penyatuan bangsa, pembinaan masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera, serta pembentukan satu rupa bentuk jati diri bangsa Malaysia yang lebih perkasa?

“Sastera perlu menerobos masuk ke bilik-bilik darjah seawal murid masuk ke sekolah. Kementerian Pendidikan perlu bertindak berani memperkenalkan kesusasteraan dalam apa-apa sahaja bentuk yang difikirkan layak serta sesuai mengikut acuan sendiri.

“Jadikan subjek Kesusasteraan Melayu subjek wajib sebagaimana subjek Bahasa Melayu dan Sejarah. Slogan bangsa yang berjaya adalah bangsa yang kuat membaca tentu relevan ketika ini,” katanya.

Karya sastera perlu diakrabkan oleh setiap lapisan pelajar untuk memperhalus rasa dan emosi mereka. Lebih jauh lagi aspirasi hidup semua lapisan masyarakat yang diterapkan dalam pelbagai genre karya yang digunakan dalam subjek dijadikan sebagai rujukan dan pertimbangan, asas rasa saling persefahaman, ukur tara penilaian kebaikan dan keburukan selain membentuk rasa saling percaya yang utuh.

Semua ini dapat dilaksanakan melalui satu set kurikulum yang dirangka secara menyeluruh dan berentetan, mengambil kira pelbagai sudut pengisian, memperbetul objektif dan matlamat pengajaran, pemilihan teks yang lebih estetika dan bersesuaian serta mengambil kira kepentingan jangka panjang melalui diskusi dan dialog yang berterusan.

Jika mata pelajaran umumnya menyediakan pengetahuan dan kemahiran, kesusasteraan menyediakan wacana kehidupan dan kemanusiaan, kesedaran dan kepekaan sebagai satu kesatuan masyarakat yang paling bergantung antara satu dengan lain.